



Fakulti Seni Gunaan Dan Kreatif

**PENGADAPTASIAN TEKNIK NYANYIAN *BEL CANTO* DALAM LAGU  
MELAYU ASLI SARAWAK**

**Ermi Sanisha Binti Suran**

**Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Muzik)  
2013**

**PENGADAPTASIAN TEKNIK NYANYIAN *BEL CANTO* DALAM LAGU  
MELAYU ASLI SARAWAK**

**ERMI SANISHA BINTI SURAN**

Projek ini merupakan salah satu keperluan untuk  
Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian  
(Muzik)

Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif  
UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK  
2013

**UNIVERSITI MALAYSIA SARAWAK**

## BORANG PENGESAHAN STATUS TESIS/LAPORAN

JUDUL: **PENGADAPTASIAN TEKNIK NYANYIAN *BEL CANTO* DALAM LAGU MELAYU ASLI SARAWAK.**

**SESI PENGAJIAN : 2010/2013**

Saya **ERMI SANISHA BINTI SURAN**

mengaku membenarkan tesis/ Laporan \* ini disimpan di Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dengan syarat-syarat kegunaan seperti berikut:

1. Tesis/ Laporan adalah hakmilik Universiti Malaysia Sarawak
2. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan untuk tujuan pengajian sahaja
3. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat pengdigitan untuk membangunkan Pangkalan Data Kandungan Tempatan
4. Pusat Khidmat Maklumat Akademik, Universiti Malaysia Sarawak dibenarkan membuat salinan tesis/ laporan ini sebagai bahan pertukaran antara institusi pengajian tinggi
5. \*sila tandakan

SULIT

(Mengandungi maklumat yang berdarjah keselamatan atau kepentingan seperti termaktub di dalam AKTA RAHSIA 1972)

TERHAD

(Mengandungi maklumat Terhad yang telah ditentukan oleh Organisasi/badan di mana penyelidikan dijalankan)

TIDAK TERHAD

Disahkan

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penulis

\_\_\_\_\_  
Tandatangan Penyelia

Tarikh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_

Alamat Tetap:  
No.150, Lorong 22-28G2E,  
Taman Samarindah,  
Jalan Dato' Muhd. Musa,  
94300, Kota Samarahan, Sarawak

Catatan: \* Tesis/ Laporan dimaksudkan sebagai tesis bagi Ijazah Doktor Falsafah, Sarjana Muda  
\* Jika Tesis/ Laporan SULIT atau TERHAD, sila lampirkan surat daripada pihak berkuasa/ organisasi berkenaan dengan menyatakan sekali sebab dan tempoh tesis/ laporan ini perlu dikelaskan sebagai SULIT atau TERHAD

Projek bertajuk '**Pengadaptasian Teknik Nyanyian *Bel Canto* Dalam Lagu Melayu Asli Sarawak**' ini telah disediakan oleh **Ermi Sanisha Binti Suran** dan telah diserahkan kepada Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif sebagai memenuhi syarat untuk Ijazah Sarjana Muda Seni Gunaan dengan Kepujian dalam program **Muzik**.

Diterima untuk diperiksa oleh :

---

Connie Lim Keh Nie

Tarikh :

---

## **PENGAKUAN**

Penulis mengakui bahawa tidak terdapat bahagian penyelidikan, dihasilkan atau dilaporkan dalam tesis ini yang telah digunakan sebagai bahan sokongan untuk suatu ijazah atau kelulusan sama ada kepada universiti ini atau institusi pengajian tinggi lain.

---

(ERMI SANISHA BINTI SURAN)

No. Matrik: 26230

## **PENGHARGAAN**

Assalamualaikum. Alhamdulillah dan rasa syukur yang tak terhingga kepada Allah S.W.T kerana dengan ketentuan serta kehendak-Nya yang telah membawa saya ke Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) ini untuk membenarkan saya menyambung pengajian dan mendampingi saya dalam melalui pelbagai cabaran sepanjang tiga tahun ini. Tanpa kurniaan kekuatan, keyakinan, ketabahan dan keredhaan daripada-Nya, saya yakin saya tidak akan mampu untuk menghabiskan Ijazah Sarjana Muda ini.

Saya juga ingin mengucapkan sebanyak penghargaan kepada ahli keluarga saya terutama bapa saya, Suran Bin Daraup, ibu saya, Saniah Binti Haji Limbing, dan suami saya, Jamian Bin Bodi yang banyak dan senantiasa berdoa, bertimbang-rasa dan memberi kepercayaan serta sokongan sepenuhnya ke atas apa yang saya lakukan sepanjang pengajian saya di UNIMAS.

Di samping itu, saya juga ingin mengucapkan setinggi-tinggi terima kasih kepada penyelia projek tahun akhir saya, Puan Connie Lim Keh Nie, kerana beliau lah yang telah banyak menyumbangkan masa, tenaga, idea, cadangan, nasihat, motivasi, sokongan, dan bimbingan kepada saya untuk projek ini.

Selain itu, ribuan terima kasih saya ingin ucapkan kepada semua pensyarah program muzik terutamanya Prof. Madya Dr. Hasnizam bin Abdul Wahid, selaku Dekan Fakulti Seni Gunaan dan Kreatif, Drs. Yoesbar Djaelani selaku penyelaras bagi kursus 'Penyelidikan dan

Projek Tahun Akhir' dan Cik Laura Pranti Tutom, yang sudi memberi nasihat dan teguran yang berharga kepada saya sebagai panduan bagi membaiki projek ini.

Juga tidak dilupakan, saya juga ingin berterima kasih kepada kesemua responden kerana sudi meluangkan masa untuk berkongsi pendapat serta ilmu bagi membantu dalam melengkapkan lagi projek tahun akhir saya ini.

Sehubungan itu, saya turut ingin merakamkan penghargaan kepada Encik Lembad Anak Subit selaku Juruteknik yang secara tidak langsung juga banyak membantu menjayakan projek ini. Pada masa yang sama, tanpa bantuan dan sokongan daripada rakan-rakan seperjuangan yang amat dihargai, kajian ini tidak akan berjaya.

Akhirnya, saya ingin berterima kasih kepada ahli keluarga muzik saya iaitu orkestra dari *Unimas Symphony Orchestra and Choir Society* serta semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung dalam projek ini. Saya berharap agar projek ini dapat memanfaatkan para mahasiswa-mahasiswi pada masa depan dan menjadikan kajian ini sebagai satu rujukan kepada sesiapa yang ingin meneruskan kajian ini dengan lebih lanjut.

## ISI KANDUNGAN

<b>Halaman Tajuk</b>		
<b>Borang Pengesahan Status Tesis</b>		
<b>Pengesahan dan Tandatangan Penyelia</b>	i	
<b>Pengakuan Pelajar</b>	ii	
<b>Penghargaan</b>	iii	
<b>Isi Kandungan</b>	v	
<b>Senarai Jadual</b>	ix	
<b>Senarai Rajah</b>	x	
<b>Senarai Gambar</b>	xi	
<b>Abstrak</b>	xii	
<i>Abstract</i>	xiii	
<b>1. BAB 1</b>	<b>PENDAHULUAN</b>	<b>1</b>
1.1	Pengenalan	1
1.2	Skop Kajian	4
1.3	Permasalahan Kajian	4
1.4	Objektif Kajian	5
1.5	Hipotesis	5
1.6	Kepentingan Kajian	5
1.7	Kajian Literasi	7
1.7.1	<i>Bel Canto</i>	7
1.7.2	Melayu Asli	8
<b>2. BAB 2</b>	<b>METODOLOGI</b>	<b>11</b>
2.1	Pengenalan	11
2.2	Pemilihan Sampel	11
2.3	Pengumpulan Data	11
2.3.1	Kaedah Primer	11

	2.3.1.1	Temubual/Temuramah	11
	2.3.1.2	Fotografi	12
	2.3.1.3	Pemerhatian	12
	2.3.2	Kaedah Sekunder	13
	2.3.2.1	Rujukan buku dan Jurnal	13
2.4		Penciptaan Karya	13
3.	<b>BAB 3</b>	<b>DAPATAN KAJIAN</b>	14
3.1		Pengenalan	14
3.2		Hasil Temubual bersama Encik Awang Kaderi Awang Lihi	14
3.3		Hasil Temubual bersama Encik Hoo Kie Hua	17
3.4		Ciri – ciri Lagu Melayu Asli Sarawak	18
	3.4.1	Lagu Melayu Asli “Sayang Sarawak”	19
	3.4.2	Lagu Melayu Asli “Seri Sarawak”	20
	3.4.3	Lagu Melayu Asli “Ros Kalas”	21
	3.4.4	Lagu Melayu Asli “Ros Kalas 2”	22
	3.4.5	Lagu Melayu Asli “Puteri Sarawak”	23
3.5		Ciri – ciri Lagu Melayu Asli di Sarawak Secara Keseluruhan	24
3.6		Ciri – ciri Teknik Nyanyian <i>Bel Canto</i>	26
	3.6.1	Contoh Skor dengan Teknik Nyanyian <i>Bel Canto</i>	27
	3.6.2	Contoh Skor dengan Teknik Nyanyian Melayu Asli	28
3.7		Persamaan dan Perbezaan Lagu Melayu Asli di Sarawak dan Semenanjung Malaysia	29
3.8		Penciptaan Karya	29
	3.8.1	<i>Full Score</i>	30
	3.8.2	Langkah – langkah Penciptaan Karya	48
	3.8.1.1	Langkah Pertama : Condense Score	48
	3.8.1.2	Langkah Kedua : Membahagikan rentak	48
	3.8.1.3	Langkah Ketiga : Membahagikan Alat Instrument	49
	3.8.1.4	Langkah Ketiga : Membahagikan Peranan Alat Instrument	50

<b>3.9</b>	<b>Analisis Skor Pengkaji</b>	<b>51</b>
<b>3.9.1</b>	<b>Tanda Nada, Tanda Masa dan Tempo</b>	<b>51</b>
<b>3.9.2</b>	<b>Gerakan Kord atau <i>Chord Progression</i></b>	<b>52</b>
<b>3.10</b>	<b><i>Orchestration</i></b>	<b>53</b>
<b>3.10.1</b>	<b>Pembukaan (Introduction) [bar1 – bar8]</b>	<b>53</b>
<b>3.10.2</b>	<b>Bahagian Solo Vokal yang diadaptasikan teknik <i>bel canto</i></b>	<b>55</b>
<b>3.10.3</b>	<b>Gendang dan gong <i>rhythm pattern</i> yang digunakan dalam komposisi</b>	<b>56</b>
<b>3.10.4</b>	<b>Aplikasi <i>Melody Filler</i></b>	<b>58</b>
<b>3.10.5</b>	<b>Aplikasi <i>Melody Accompaniment</i></b>	<b>60</b>
<b>3.10.6</b>	<b>Interlude [bar 41-bar 56]</b>	<b>61</b>
<b>3.10.7</b>	<b>Rangkap 3 (Verse 3) [bar 58-bar 73]</b>	<b>62</b>
<b>3.10.8</b>	<b>Kodetta (Codetta) [bar 73-bar 75]</b>	<b>64</b>
<b>3.11</b>	<b>Pemerhatian</b>	<b>66</b>
<b>4</b>	<b>BAB 4 PERBINCANGAN</b>	<b>68</b>
<b>4.1</b>	<b>Pengenalan</b>	<b>68</b>
<b>4.2</b>	<b>Temubual</b>	<b>69</b>
<b>4.2.1</b>	<b>Temubual dengan Puan Wong Yong Fung</b>	<b>69</b>
<b>4.2.2</b>	<b>Temubual dengan Puan Chia Yee Yean</b>	<b>71</b>
<b>4.2.3</b>	<b>Temubual dengan Encik Amir Hamzah</b>	<b>73</b>
<b>4.2.4</b>	<b>Temubual dengan Encik Awang Kaderi Awang Lihi</b>	<b>74</b>
<b>4.3</b>	<b>Analisis Data</b>	<b>76</b>
<b>4.4</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>77</b>
<b>5</b>	<b>BAB 5 KESIMPULAN DAN CADANGAN</b>	<b>78</b>
<b>5.1</b>	<b>Kesimpulan</b>	<b>78</b>
<b>5.2</b>	<b>Cadangan</b>	<b>79</b>

<b>BIBLIOGRAFI</b>	80
<b>GLOSARI</b>	82
<b>LAMPIRAN A – BIODATA RESPONDEN YANG MEMBERI MAKLUMAT</b>	84
<b>LAMPIRAN B – SAMPEL SOALAN PANEL</b>	89
<b>LAMPIRAN C – GAMBAR</b>	93
<b>LAMPIRAN D – PANEL CETUSAN INSPIRASI PELAJAR TAHUN AKHIR</b>	96
<b>LAMPIRAN E – HASIL KARYA DALAM BENTUK RAKAMAN DVD</b>	97
<b>LAMPIRAN F – DATA HASIL KARYA DALAM BENTUK DVD</b>	98

## SENARAI JADUAL

Jadual 3.8.1.2	Membahagikan rentak lagu untuk setiap bahagian	48
Jadual 3.8.1.3	Membahagikan alat instrumen muzik dalam bahagian masing-masing	49
Jadual 3.8.1.4	Membahagikan peranan alat instrumen muzik dalam bahagian masing-masing	50
Jadual 3.9.1	Tanda Nada, Tanda Masa dan Tempo	51

## SENARAI RAJAH

Rajah 3.6.1	Contoh Skor dengan teknik nyanyian <i>bel canto</i>	27
Rajah 3.6.2	Contoh Skor dengan teknik nyanyian melayu Asli	28
Rajah 3.10.1	Pembukaan (Introduction) [Bar 1-8]	53
Rajah 3.10.2	Bahagian Solo Vokal yang diadaptasikan teknik <i>bel canto</i>	55
Rajah 3.10.3	Drum, Gendang dan gong <i>rhythm pattern</i>	56
Rajah 3.10.4	Aplikasi Melodi <i>Filler</i>	58
Rajah 3.10.5	Aplikasi Melodi <i>Accompaniment</i>	60
Rajah 3.10.6	Interlude [bar 41-bar 56]	61
Rajah 3.10.7	Rangkap 3 (Verse 3) [bar 58-bar 73]	62
Rajah 3.10.8	Kodetta (Codetta) [bar 73-bar 75]	64

## **SENARAI GAMBAR**

Gambar 3.1	Sesi temubual bersama Encik Awang Kaderi Bin Awang Lihi	14
Gambar 3.2	Sesi temubual bersama Encik Hoo Kie Hua	17
Gambar 4.2.1	Temubual dengan Puan Wong Yung Fong	69
Gambar 4.2.2	Temubual dengan Puan Chia Yee Yean	71
Gambar 4.2.3	Temubual dengan Encik Amir Hamzah	73
Gambar 4.2.4	Temubual dengan Encik Awang Kaderi Bin Awang Lihi	74

## ABSTRAK

*Bel Canto* membawa makna nyanyian yang indah dalam Bahasa Itali. Teknik nyanyian *bel canto* ini amat menumpukan kesempurnaan tepat untuk lontaran suara, kemahiran dalam teknik *legato*, daftar suara atas yang ringan, *vibrato* serta lirik yang jelas, kawalan pernafasan yang baik, fleksibiliti suara serta *timbre* yang merdu. Pengkaji akan menghasilkan suatu bentuk penyampaian lagu Melayu Asli yang baru dengan pengadaptasian teknik nyanyian *bel canto* dalam lagu Melayu Asli di Sarawak. Pengkaji akan menggunakan kaedah temubual dan pemerhatian bagi mengkaji keberkesanan pengadaptasian teknik nyanyian *bel canto* dalam lagu Melayu Asli di Sarawak.

## ***ABSTRACT***

*Bel Canto* carries the meaning “nyanyian indah” which is bring the meaning of beautiful singing. *Bel canto* singing technique it is exact to focus on perfection, vocal projection skills in the *legato* technique, express the voice, clear *vibrato* and lyrics, good respiratory control, flexibility voice and *timbre* ‘merdu’. Researchers will produce a new form of presentation in Asli Malay song with applied the *bel canto* singing technique to the Asli Malay song at Sarawak. Researchers will use the interviews and observation method for studying the effectiveness of *bel canto* singing technique into Asli Malay song at Sarawak.

## BAB 1

### PENDAHULUAN

#### 1. PENGENALAN

##### 1.1 Latar belakang

Menurut Martha Elliott (2007), terdapat pelbagai bentuk teknik-teknik nyanyian yang digunakan dalam arts song iaitu di antaranya ialah *ornamentation* (perhiasan lagu), *bel canto* iaitu ditakrifkan sebagai beautiful singing/nyanyian indah, *portamento*, *vibration* (getaran), *aggiustamento* (pengubahsuaian vokal), *recitative* dan juga *aggiustamento*.

*Ornamentation* boleh membuatkan sesuatu muzik itu menjadi lebih ekspresif. Sebagai contoh, getaran suara itu mungkin melambangkan kegembiraan. *Ornamentation* turut membantu dalam menjelaskan struktur muzik, misalnya memberi perhatian kepada pendengar dengan menggunakan irama yang penting dan *klimaks* lagu. Bahagian ini juga membantu seseorang penyanyi itu untuk menunjukkan suaranya sebenar dengan fleksibilitinya.

*Bel canto* dalam bahasa *Itali* bermaksud “*beautiful singing*” atau "nyanyian merdu" iaitu merujuk kepada seni dan teknik vokal yang berasal dari *Itali* pada akhir kurun ke-16 dan berada di kemuncaknya pada awal kurun ke-19 semasa era opera *bel canto*. Corak nyanyian *bel canto* amat menumpukan kesempurnaan suara yang tepat, kemahiran legato yang sangat baik, daftar tingkat suara yang ringan dan tangkas, fleksibiliti suara dan *timbre* lirik yang

‘merdu’. Opera *bel canto* pula memerlukan gaya perhiasan yang meluas dan juga memerlukan ketangkasan skala suara dan kadenza. *Bel Canto* lebih menekankan kepada teknik nyanyian yang betul daripada mementingkan jumlah nyanyian.

*Vibration* pula merangkumi teknik nyanyian menggunakan cara getaran bagi menukar mood atau suasana pada sesuatu lagu tersebut. *Vibration* yang baik bergantung kemampuan penyanyi tersebut terutamanya pada bahagian pernafasan. Jika tidak, *vibration* yang dihasilkan tidak kesampaian.

Menurut Hajah Noresah Baharom menerusi Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi ketiga (2002), perkataan ‘Asli’ membawa maksud tulen tanpa campuran yang lain. Dalam erti kata lain, lagu Melayu *Asli* pula ditakrifkan sebagai irama lagu yang bersifat asli dan tulen, mengikut erti kata dasarnya iaitu ‘Asli’ yang membawa erti asal dan semula jadi tanpa campuran apa-apa. Ini membuktikan bahawa teknik nyanyian lagu Melayu Asli adalah bersifat sebenar ataupun asal sesuatu irama tanpa digabung atau dicampuri dengan sesuatu irama yang lain di mana akan mengubah keaslian irama yang ada padanya.

Nyanyian lagu Melayu Asli ini kaya dengan senikata-senikata yang amat indah serta tersusun rapi terutama dari segi rentak suku katanya. Lazimnya, seni kata bagi lagu Melayu Asli berupa pantun empat kerat yang mempunyai pembayang yang mengisahkan alam serta maksudnya yang berkisar pada tema lagu tersebut seperti tema cinta, nasib diri seumpamanya.

Nyanyian Melayu Asli memiliki alunan yang indah serta sukar untuk dinyanyikan kerana alunan yang banyak serta dalam nada atau *key* yang tinggi tidak kira penyanyi lelaki ataupun wanita. Alunan *patah lenggok asli* ini dipanggil sebagai *ornamentation* dalam bahasa muzik. Teknik nyanyian ini kurang dimiliki di kalangan generasi muda pada hari ini. Mungkin juga ada segelintir kecil sahaja generasi muda yang tahu nyanyian Melayu Asli, itupun bukan irama Asli sebenar tetapi irama pop Asli yang telah dimodenkan seperti lagu Melayu Asli yang telah dinyanyikan dan dirakam oleh penyanyi etnik kreatif yang tidak asing lagi iaitu Dato' Siti Nurhaliza, Noraniza Idris, Dato' Sharifah Aini dan Dato' M.Daud Mat Kilau. Ini kerana kurangnya pengetahuan serta pengalaman dalam mengetahui teknik nyanyian Melayu Asli. Rentak yang digunakan dalam muzik melayu merangkumi seperti asli, *zapin*, *inang*, *joget*, *masri* dan sebagainya.

Namun disebalik keunikkan teknik nyanyian *bel canto* serta lagu Melayu Asli ini, pengkaji akan mengkaji seterusnya dengan mengetengahkan lagi kedua seni muzik ini dalam kalangan masyarakat terutamanya masyarakat muda pada masa sekarang sebagai seni muzik warisan melalui pendekatan baru iaitu dengan pengadaptasian teknik nyanyian *bel canto* dalam lagu Melayu Asli. Tapi pada kajian kali ini, pengkaji hanya ingin menumpukan teknik nyanyian *bel canto* dalam lagu Melayu Asli di Sarawak sahaja. Antara muzik tradisional lain yang terdapat di Malaysia, muzik Melayu Asli ini semakin kurang diketahui oleh masyarakat muda itu sendiri. Oleh yang demikian, warisan-warisan muzik seperti ini perlu dipelihara dan dijaga demi kepentingan generasi masa kini dan juga generasi akan datang.

## 1.2 Skop Kajian

Fokus kajian ini adalah pengadaptasian teknik *nyanyian bel canto* ke dalam lagu Melayu Asli Sarawak dengan gabungan orkestra barat. Kebanyakan lagu Melayu Asli yang ada di Sarawak diterbitkan sekitar era 70-an. Antaranya ialah ‘Puteri Sarawak’, ‘Sayang Sarawak’, ‘Sri Sarawak’ dan ‘Ros Kalas’. Justeru itu, satu lagu melayu Asli di Sarawak akan dipilih menggunakan teknik *random sampling* atau secara rawak bagi mengadaptasikan teknik *nyanyian bel canto* untuk mengukur keunikan dan kelebihan yang ada padanya.

## 1.3 Permasalahan Kajian

Berikut merupakan beberapa masalah yang telah pengkaji kenalpasti:

Masalah pertama yang pengkaji kenalpasti ialah kurangnya guru muzik vokal yang berpendidikan bagi membimbing generasi sekarang untuk menyanyikan lagu dengan teknik *bel canto* ini menggunakan teknik nyanyian yang betul.

Masalah kedua yang dapat dilihat oleh pengkaji adalah kurangnya minat generasi muda terhadap lagu Melayu Asli serta teknik-teknik nyanyian arts song seperti *bel canto* ini kerana mereka lebih berminat dan lebih terarah dengan aliran muzik moden.

Masalah yang seterusnya, pengkaji mendapati belum ada lagi rekod bertulis berkaitan dengan lagu Melayu Asli ini diterbitkan. Ini boleh menyukarkan kajian ini dijalankan. Kajian akan dijalankan secara lisan sahaja dengan guru vokal yang sudah mahir dengan teknik nyanyian lagu Melayu Asli ini yang terdapat di Sarawak.

## 1.4 Objektif Kajian

Pengkaji mempunyai beberapa objektif dalam melakukan kajian ini, antaranya:

- Pengkaji ingin mengeksperimentasikan satu bentuk penyampaian baru dimana teknik nyanyian *Bel Canto* diaplikasikan dalam lagu Melayu Asli di Sarawak bersama orkestra barat.
- Kajian ini dijalankan untuk mengeksplorasikan keberkesanan penggunaan teknik *bel canto* dalam lagu Melayu Asli di Sarawak.
- Untuk meningkatkan dan menetengahkan lagu Melayu Asli ini dalam kalangan generasi muda sebagai seni muzik warisan.

## 1.5 Hipotesis

Pengadaptasian teknik nyanyian *bel canto* dalam lagu Melayu Asli akan melahirkan suatu bentuk kelainan dan keunikan terutamanya dalam bentuk nyanyian dan seterusnya diharap mampu mempelbagaikan serta memartabatkan lagi lagu Melayu Asli di persada seni.

## 1.6 Kepentingan Kajian

Kajian ini penting untuk dijalankan kerana melalui kajian ini, pengkaji dapat mendedahkan lagi fenomena sebenar yang berlaku ke atas muzik lagu Melayu Asli yang semakin dilupakan oleh generasi baru masyarakat sekarang. Selain itu, kajian ini sedikit sebanyak boleh membantu dalam memberi kesedaran kepada masyarakat tersebut dan juga beberapa pihak yang berkenaan seperti Jabatan Kementerian dan Kebudayaan Negeri Sarawak ( JKKN ) untuk bersama-sama memartabatkan lagi seni muzik Melayu

Asli supaya seni muzik ini bukan sahaja menjadi warisan masyarakat tempatan, malah boleh juga dijadikan sebagai bahan promosi untuk menarik pelancong sama ada dari dalam atau luar negara untuk melihat dan menghayati elemen seni yang sedia ada di negara kita. Ini juga dapat membantu dalam mengetengahkan kepada mereka bahawa teknik nyanyian arts song seperti *bel canto* yang berasal dari barat ini dapat digunakan dalam lagu Melayu Asli yang terdapat di Sarawak.

Kajian ini juga dikatakan penting bagi meningkatkan serta mengetengahkan lagu Melayu Asli dalam kalangan generasi muda sebagai seni muzik warisan dan seterusnya mampu membantu dalam memulihara, mengembangkan dan memperbaharui lagu-lagu Melayu Asli di kalangan remaja khususnya. Lantaran itu juga, ia dapat meningkatkan aspirasi dan minat masyarakat itu sendiri terhadap lagu-lagu Melayu Asli yang penuh dengan tatasusilanya yang tersendiri.

Di samping itu juga, kajian ini amat berguna kepada semua masyarakat tempatan dan juga badan kementerian kesenian dan kebudayaan kerana kajian ini boleh menjadi salah satu petunjuk untuk merangka langkah-langkah yang perlu diambil untuk mendapat idea baru bagi memperjuangkan serta mengetengahkan lagi seni muzik ini supaya 'tidak terus ditelan zaman'. Tambahan lagi, pengkaji juga boleh mengumpul maklumat yang berkaitan dengan kedua seni muzik ini agar maklumat yang diperolehi oleh pengkaji boleh dimanfaatkan dan digunakan sebagai bahan rujukan kepada mereka yang akan membuat kajian yang sama seperti ini pada masa akan datang. Bukan itu sahaja, melalui kajian ini pengkaji juga dapat memperkenalkan dan seterusnya menyampaikan satu bentuk baru dalam mempromosikan semula serta mendedahkan apa itu muzik Melayu

Asli serta teknik nyanyian *bel canto* sebenar bukan sahaja kepada masyarakat muda sahaja malahan untuk tatapan umum juga. Hal ini kerana kebanyakan masyarakat sekarang mudah tertarik kepada sesuatu benda yang baru.

Oleh yang demikian, pengkaji memilih untuk menyampaikan lagu Melayu Asli yang terdapat di Sarawak serta mengaplikasikan teknik nyanyian *bel canto* pada bahagian solo vokalnya.

## **1.7 Kajian Literasi**

### **1.7.1 *Bel Canto***

Menurut Elliot (2007), teknik nyanyian *bel canto* membawa erti “beautiful singing” iaitu membawa erti kepada “nyanyian merdu” atau “nyanyian indah”. Teknik nyanyian ini berasal daripada Itali bermula sejak kurun ke-16 dan seterusnya semakin meluas penggunaannya pada awal kurun ke-19 terutamanya pada opera *bel canto*.

Teknik nyanyian *bel canto* ini amat menumpukan kesempurnaan lontaran suara yang tepat, kemahiran *legato* yang baik iaitu mantap dan stabil perpindahan satu nota ke satu nota yang lain tanpa ada kesalahan atau gangguan pada vokal atau antara nada, daftar suara atas yang ringan dan tangkas, fleksibiliti suara dan *timbre* yang merdu. Ini adalah kelebihan dan keunikan yang terdapat dalam teknik nyanyian *bel canto* ini. Ketangkasan pada tekanan suara serta penguasaan kawalan vokal jarang ditemui dalam teknik nyanyian yang lain menjadikannya satu kelebihan yang ada pada teknik nyanyian *bel canto* ini. Selain itu, penggunaan teknik *vibrato* dan sebutan *lirik* yang jelas dan terang serta kawalan pernafasan yang baik adalah salah satu teknik yang turut dititikberatkan dalam teknik nyanyian *bel*

*canto* ini. Salah satu teknik yang digunakan oleh pengajar ialah dengan menggalakkan pelajarinya mengulang dengan kerap sehingga nada atau melodi tersebut agar terus kekal dan tersemat di dalam memori pelajar tersebut.

Dalam teknik nyanyian opera *bel canto* juga amat memerlukan gaya perhiasan yang meluas seterusnya memerlukan ketangkasan skala suara dan kadenza. *Bel canto* ini lebih menekankan teknik nyanyian daripada jumlah nyanyian. Antara contoh latihan yang sering dipraktikkan ialah menyanyi di hadapan lilin yang bernyala tanpa menggegarkan lilin itu.

Nyanyian *bel canto* ini juga digunakan dalam nyanyian verismo, wagner, verdi dan juga nyanyian moden. Antara tokoh penyanyi – penyanyi yang bersuara lantang menggunakan teknik *bel canto* ini termasuklah Eva Turner (1892-1990), Elena Nicolai (1905-1993), Todor Mazarov/Masaroff (1907-1975), Ghena Dimitrova (1941-2005), Maria Caniglia (1904-1979) dan ramai lagi.

### **1.7.2 Melayu Asli**

Berdasarkan Kamus Dewan Bahasa dan Pustaka Edisi yang ketiga, perkataan ‘Asli’ pula membawa erti tulen tanpa campuran yang lain. Dalam erti kata lain, lagu Melayu Asli juga ditakrifkan sebagai irama lagu yang bersifat asli dan tulen, mengikut erti kata dasarnya iaitu ‘Asli’ yang membawa erti asal dan semula jadi tanpa campuran apa-apa. Ini membuktikan bahawa teknik nyanyian lagu Melayu Asli adalah bersifat sebenar ataupun asal sesuatu irama tanpa di gabung atau di campuri dengan sesuatu irama yang lain di mana akan mengubah keaslian irama yang ada padanya.